

Headline	Menyala sehingga ke Brunei		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	15 May 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	166,774
Page No	17T019	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2540 cm ²
Journalist	DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA	AdValue	RM 66,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 198,511



Inovasi panjut LED Melaka

Headline	Menyala sehingga ke Brunei		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	15 May 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	166,774
Page No	17T019	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2540 cm ²
Journalist	DIYANATUL ATIQA ZAKARYA	AdValue	RM 66,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 198,511



KEINDAHAN nyalaan terang panjut LED menawan hati ramai, apatah lagi dengan keupayaannya yang sesuai diletakkan di luar dan di dalam rumah.

Menyala sehingga ke Brunei

S EMBILAN jam. Itulah tempoh masa yang dilaburkan sepasang suami isteri di Durian Tunggal, Melaka bagi menebang kira-kira 30 batang buluh sehari untuk dijadikan jualan panjut atau pelita raya. Md. Nazri Md. Yusoff, 41, dan Kamsiah Khamis, 39, akan mula menjalankan kerja-kerja memilih serta menebang buluh dari pukul 8 pagi sehinggalah 5 petang setiap hari, sebelum meneruskan dengan proses lain termasuk membuang miang buluh, membuang takik dan memotong mengikut ruas.



Oleh
**DIYANATUL
ATIQA
ZAKARYA**

Selain berpenat lelah di bulan Ramadan lalu, pasangan itu juga mendakwa pernah disengat haiwan berbisa termasuk kala jengking, lipan dan labah-labah hutan serta berdepan cabaran cuaca hujan dan panas yang tidak menentu.

Namun, setiap keringat yang menitis ternyata membuahkan hasil setimpal apabila panjut mereka mendapat permintaan bukan sahaja di dalam negara, bahkan menyala sehingga ke Singapura dan Brunei.

Ketika ditemui *Panorama*, Md. Nazri memberitahu, panjut yang dijualnya bukanlah sekadar jenis tradisional tetapi juga jenis inovasi moden dengan penggunaan lampu diod pemancar cahaya (LED) yang menjadi *spotlight* bagi musim perayaan Aidilfitri kali ini.

"Idea membuat panjut LED ini tercetus ketika saya ingin memasang lampu itu di kedai makan kami di

E K S T R A PANJUT LED

- Pembuatannya melibatkan proses memasukkan lampu diod pemancar cahaya (LED) ke dalam buluh
- Sebatang panjut mempunyai kepanjangan antara 1.2 meter hingga 1.5 meter
- Produk mampu bertahan sehingga enam tahun
- Berharga RM30 sebatang

sini. Saya beritahu isteri untuk cuba membuat panjut LED kerana sesuai diletakkan di dalam bangunan ekoran tidak mengeluarkan asap minyak tanah.

"Jadi, kami berdua bersetuju untuk membuatnya dan cuba menjualnya dengan harga RM30 sebatang. Tidak sangka pula mendapat sambutan luar biasa dengan minggu kedua Ramadan sahaja sebanyak 500 batang telah terjual," katanya.

Jelas Md. Nazri, dia dan isterinya telah menjual panjut tradisional sejak tahun 2014 bagi menampung pendapatan sepanjang Ramadan kerana kedai makan diusahakan mereka ditutup pada siang hari. Mengulas lanjut, dia memberitahu, permintaan tinggi diterima daripada pelanggan di Johor dan Perak, namun paling jauh panjut itu beryala adalah di Singapura dan Brunei.

"Ada pelanggan duduk di Taiping tempah 17 batang, namun kos untuk kiriman lebih tinggi daripada harga panjut dibelinya, jadi kita cuba cari jalan untuk hantar dan kebetulan dia ada rancangan ke Muar, kami pun ke sana.

"Selain itu, ada juga pelanggan dari Brunei dan Singapura masing-masing membeli enam serta lima batang panjut LED, namun proses untuk



hantar ke sana agak rumit sedikit kerana panjang buluh perlu dipotong," katanya.

Jelas Md. Nazri, kebiasaannya setiap panjut dijual pada ukuran antara 1.2 meter (m) sehingga 1.5m.

Difahamkan, sebatang panjut tradisional juga lebih mudah untuk disiapkan dengan mengambil masa kira-kira 10 minit berbanding panjut LED iaitu sekitar 20 minit kerana memerlukan teknik tertentu bagi kerja-kerja memasukkan lampu di dalam buluh.

Bagi kos kiriman panjut ke luar negara pula, bayaran itu ditanggung sepenuhnya oleh pelanggan dan kesemua mereka dikatakan sanggup membayar mahal demi mendapatkan panjut LED istimewa dari Durian

PEMBUATAN panjut LED mengambil masa yang lebih panjang kerana melibatkan teknik tertentu.

Headline	Menyala sehingga ke Brunei		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	15 May 2022	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	166,774
Page No	17T019	Readership	500,322
Language	Malay	ArticleSize	2540 cm ²
Journalist	DIYANATUL ATIQA ZAKARYA	AdValue	RM 66,170
Frequency	Daily	PR Value	RM 198,511

Tunggal itu.

Kongsinya lagi, rata-rata pembeli dari luar negara itu mengetahui mengenai panjut tersebut menerusi laman sosial Facebook sebelum menghubunginya melalui aplikasi WhatsApp.

"Tiba-tiba ada orang dari Singapura dan Brunei mesej saya beritahu nak tempah panjut LED. Mula-mula terkejut jugalah kerana kami memang tidak ada kenalan di sana, rupanya-rupanya mereka tahu melalui Facebook pembeli di sini.

"Alhamdulillah sehingga kini sebanyak 800 batang panjut telah terjual termasuk jenis tradisional yang dijual pada harga RM15 dan RM50 bagi set panjut dua tingkat yang dilengkapi 'kaki'," katanya.

Kamsiah pula memberitahu, kesemua buluh yang dijual mampu bertahan sehingga enam tahun melalui penjagaan yang betul.

"Kami guna buluh-buluh yang matang, kalau muda, ia mudah kecut dan akhirnya reput.

"Buluh yang tua lebih kukuh, kalau kita rajin sembur dengan air akan tahan sehingga enam tahun lamanya," katanya.


Sementara itu, seorang pelanggan, Siti Farida Taufiq, 32, memberitahu dia membeli tujuh batang panjut untuk menghiasi rumah mentuannya di Jalan Seri Tanjung, Muar dan nenek di Sungai Rambai, Jasin, Melaka.

"Kalau raya tak ada panjut memang tidak meriah, jadi saya belilah panjut ini kerana lebih mudah dengan mempunyai lapan sumbu pada sebatang buluh, dibandingkan lampu pelita yang perlu dipasang pada setiap sebatang kayu.

"Selain itu, panjut LED ini pula sesuai diletakkan sebagai hiasan di dalam rumah, jadi di dalam dan luar rumah pun akan jadi lebih meriah dengan hiasan lampu panjut," ujarnya.

Farhana Yaacob, 46, pula berkata, dia membeli panjut LED kerana mudah 'dinyalakan' iaitu dengan hanya menggunakan bateri tanpa memerlukan minyak tanah.

"Saya juga menghidap asma, jadi panjut LED ini lebih sesuai kerana tidak mengeluarkan asap hitam minyak tanah.



MD. NAZRI tekun dan teliti dalam menyilapkan panjut LED di rumahnya di Durian Tunggal, Melaka.



MUHAMAD ADLI SALIHIN

"Lagipun saya tidak pernah lihat lagi panjut LED ini, memang cantik dan nampak lebih kemas untuk diletakkan di mana-mana sahaja di dalam rumah," katanya.

Sementara itu, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pertanian Bandar, Jabatan Pertanian, Ts. Muhamad Adli Salihin Samsudin ketika diminta mengulas tentang produk buluh termasuk panjut LED yang diusahakan pengusaha di Melaka, beliau menyifatkannya sebagai salah satu olahan yang mesra alam.

"Penggunaan lampu LED dilihat mampu menghasilkan suasana yang tenang dan berkonsep mesra alam kerana tidak menghasilkan bau, asap dan juga jelaga hitam berbanding dengan penggunaan bahan bakar.

"Penggunaan elemen buluh juga dapat mengekalkan nilai estetika yang nostalgik dan cantik pada Aidilfitri, di samping sesuai dijadikan salah satu komponen perabot landskap yang menarik," katanya.



KAMSIAH menguruskan lampu-lampu LED yang akan dimasukkan pada buluh.



PANJUT LED mudah dikendalikan kerana hanya menggunakan kuasa bateri.



MOHD. KHAIRUN ANWAR

Cabaran jadikan buluh komersial

BULUH merupakan tanaman versatil yang boleh dijadikan produk komersial bukan sahaja untuk kegunaan tempatan, malah turut dieksport ke luar negara.

Pegawai Penyelidik Kanan Ketua Unit Buluh, Rotan dan Palma Bahagian Keluaran Hutan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr. Mohd. Khairun Anwar Uyup berkata, sehingga tahun 2015 terdapat kira-kira 88 pengusaha masih menjalankan perniagaan berasaskan buluh.

Katanya, bagaimanapun jumlah itu menunjukkan penurunan berbanding 30 tahun lalu apabila kebanyakan pengusaha bakul sayur tidak lagi meneruskan operasi.

"Mengikut kajian 2015, negeri yang mencatatkan perniagaan tertinggi menggunakan buluh ini adalah Negeri Sembilan iaitu sebanyak 16 pengusaha, manakala yang terendah di Perlis serta Melaka dengan masing-masing tiga sahaja.

"Antara produk buluh dihasilkan adalah serkap ikan, tikar, bakul sayur, pengukus makanan, perabot, anyaman, bunga api buluh, angklung dan pelbagai cenderahati," katanya.

Ujarnya, Pahang mempunyai enam daerah dengan sumber buluh yang tinggi iaitu di Bentong, Raub, Cameron Highlands, Kuala Lipis, Bukit Ibam dan Rompin.

Perlis, Pulau Pinang, Melaka dan Johor tidak mempunyai daerah dengan jumlah buluh yang tinggi.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagaimanapun terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pengguna termasuklah dari aspek kualiti dan bekalan buluh yang sukar diperolehi.

"Buluh yang sesuai digunakan dalam penghasilan produk dalam lingkungan tiga hingga empat tahun (matang).

"Berdasarkan kajian, umur buluh akan mempengaruhi sifat fizikal, mekanikal dan kualiti bahan ini, namun mendapatkan buluh yang matang agak sukar memandangkan buluh tersebut kebiasaannya berada di bahagian tengah rumpun," katanya.

Tambahnya, industri buluh di negara ini juga berdepan dengan beberapa cabaran lain untuk terus dijadikan produk komersial antaranya kekurangan kemahiran dan pengalaman dalam penghasilan produk berasaskan sumber alam itu.

Jelasnya, kebanyakan pengusaha dalam lingkungan antara 65 hingga 75 tahun.

"Bagi memastikan kelangsungannya, semua pihak sama ada sektor kerajaan mahupun swasta haruslah bekerjasama dalam penganjuran program dan kursus bagi menarik minat golongan belia untuk menceburi industri ini.